

**PENINGKONSEPAN SEMULA KONSEP
KREDIBILITI MAKLUMAT DALAM
ERA MASYARAKAT JARINGAN**

CYRIL MODILI



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN
WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2017**

**PENINGKONSEPAN SEMULA KONSEP
KREDIBILITI MAKLUMAT DALAM
ERA MASYARAKAT JARINGAN**

CYRIL MODILI



UNIVERSITI
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
UMS

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA SASTERA**

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN
WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2017**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: **PENKONSEPAN SEMULA KONSEP KREDIBILITI MAKLUMAT
DALAM ERA MASYARAKAT JARINGAN**

IJAZAH: **SARJANA SASTERA (KOMUNIKASI)**


Saya **CYRIL MODILI**, Sesi **2014/2015**, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh,

NURULAIN BINTI ISMAIL
LIBRARIAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(Tandatangan Pustakawan)



CYRIL MODILI
MA1411101T

Tarikh: 13 September 2017



(En. Lai Che Ching @ Abdul Latif)




Penyelia

(Dr. Syahrudin Awang Ahmad)
Penyelia Bersama

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan, petikan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya nyatakan sumbernya.

14 Ogos 2017



Cyril Modili
MA1411101T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **CYRIL MODILI**
NO.MATRIK : **MA1411101T**
TAJUK : **PENINGKONSEPAN SEMULA KONSEP KREDIBILITI
MAKLUMAT DALAM ERA MASYARAKAT JARINGAN**
IJAZAH : **SARJANA SASTERA (KOMUNIKASI)**
TARIKH VIVA : **27 JULAI 2017**

DISAHKAN OLEH;

1. PENYELIA

En. Lai Che Ching @ Abdul Latif

Tandatangan



Lai Che Ching

2. PENYELIA BERSAMA

Dr. Syahrudin Awang Ahmad

Syahrudin Awang Ahmad

PENGHARGAAN

Ucapan syukur kepada Tuhan atas berkat dan karunia-Nya kepada saya kerana berpeluang untuk melanjutkan pengajian peringkat Ijazah Sarjana dan juga dapat menyelesaikan pengajian ini dalam tempoh yang ditetapkan. Ucapan jutaan terima kasih juga saya tujukan kepada En. Lai Che Ching @ Abdul Latif selaku penyelia utama dan Dr. Syahrudin Awang Ahmad sebagai penyelia kedua yang telah banyak memberi bimbingan, tunjuk ajar dan nasihat yang sangat berguna sepanjang proses penyiapan tesis ini.

Tidak dilupakan juga ucapan penghargaan kepada Dekan, Pensyarah dan Kakitangan Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah atas bantuan, galakan dan sokongan yang diberikan kepada saya. Selain itu, Saya juga ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada informan yang terlibat dalam kajian ini, kerana tanpa informan, kajian ini tidak dapat dijalankan.

Kepada kedua-dua ibu bapa saya iaitu Modili Singah dan Sutinah Laduni, saya berterima kasih kerana sentiasa mendoakan kejayaan saya serta berkorban untuk kejayaan kami adik-beradik. Kepada abang saya Deilys, saya ingin mengucapkan syukur kepada Tuhan kerana mengaruniakan abang yang memahami ragam kami adik-beradik dan berkorban untuk pembelajaran saya termasuk adik-beradik yang lain. Terima kasih juga untuk adik-adik saya yang lain iaitu, Devrlina, Frinle, Christine, Prisca dan Jasoe Clifford kerana sentiasa menyokong dan menceriakan hari-hari saya dan keluarga.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada sahabat-sahabat dan rakan seperjuangan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kajian ini. Doa dan sokongan daripada sahabat sekalian juga memberikan motivasi kepada saya untuk menyelesaikan tesis ini.

Cyril Modili

14 Ogos 2017

ABSTRAK

Kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi pada masa kini meningkatkan kebergantungan masyarakat terhadap maklumat yang bersifat segera. Hal ini menyebabkan lambakan maklumat dalam jaringan internet, yang seterusnya menyebabkan kredibiliti maklumat tersebut diragui. Justeru, tujuan kajian ini adalah untuk melihat dan mengkonsepkan semula konsep kredibiliti maklumat. Konsep kredibiliti maklumat dilihat dalam konteks sumber, medium dan mesej yang menyampaikan maklumat. Ini kerana tradisi kredibiliti maklumat sering melihat sumber, medium dan mesej sebagai entiti penting dalam penentuan kredibiliti. Persoalannya, adakah sumber, medium dan mesej masih dilihat sebagai konsep penting dalam penentuan kredibiliti maklumat oleh masyarakat jaringan? Bagi menjawab persoalan tersebut, temubual kumpulan fokus (*focus group*) telah dibuat ke atas informan yang lahir sebelum tahun 1990-an dan selepas 1990-an. Lingkungan umur tersebut dipilih kerana transisi teknologi mula berlaku dalam lingkungan umur informan yang lahir pada tahun berkenaan. Dalam empat temubual kumpulan fokus yang dibuat, kajian mendapati bahawa terdapat empat konsep yang ditemui iaitu sumber, mesej, viral dan tingkah laku. Berbanding konsep asal yang statik dalam kajian lalu hanya terdiri daripada sumber, medium dan mesej. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa konsep kredibiliti maklumat berubah dan bercambah seiring dengan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi. Selain itu, kajian ini mendapati bahawa masyarakat jaringan masih mempercayai media tradisional sebagai sumber utama maklumat yang berkredibiliti namun mencari sumber alternatif lain sebagai maklumat tambahan. Manakala, implikasi kajian ini pula menjurus kepada teori dan pembuat polisi. Kajian ini mencadangkan agar pengkaji seterusnya dapat menjalankan kajian yang lebih menyeluruh supaya dapat digeneralisasikan seterusnya menyumbang kepada pengembangan teori.

ABSTRACT

RE-CONCEPTUALIZATION OF INFORMATION CREDIBILITY IN THE ERA OF NETWORKING SOCIETY

Advances in information and communications technology has increased the dependence on immediate information. Thus, leading to the information overflow in the internet network that had caused the credibility of the information to be questionable. Therefore, the aim of this study was to review and re-conceptualised the concept of information credibility. The context of information credibility was viewed in the sources, medium and messages which carries the information. Literature reviews shows that the information credibility often viewed from the entity of the sources, medium and messages. The concern are, were the source, medium and message still seen as an important concept in determining the credibility of the information by the networking society? Focus group discussions were conducted with informants comprised of males and females who were born before the year of 1990's and after the year of 1990's. These age groups were chosen because of the technology transition occurred during those year. The results of the study found that there were four concepts identified namely, the source, message, viral and behaviour. Prior study showed that the concept of source, medium and message were the concepts that they use in the information credibility study. While, this study showed that the concepts of information credibility changed and disseminated along with advances in information and communication technology. In addition, the study also found that the informants still trusted the traditional media networking as a primary source of credible information but seek other alternative sources for additional information. Whereas, the implications of this research leading to policy makers to form a better flat form for information credibility. This study suggested that future researchers should carry out comprehensive research related to this field to enable it to be generalized and to contribute to the theoretical expansion.

SENARAI KANDUNGAN

Halaman

TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI RAJAH	x
SENARAI LAMPIRAN	xi
BAB 1: PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Maklumat	3
1.3 Kredibiliti	5
1.4 Masyarakat Jaringan	8
1.5 Penyataan Masalah	12
1.6 Objektif Kajian	15
1.7 Kesimpulan	16
BAB 2: SOROTAN LITERATUR	
2.1 Pendahuluan	18
2.2 Model Pemujukan	18
2.3 Model Huraian Kebarangkalian (Petty dan Cacioppo, 1986)	22
2.4 Kredibiliti Maklumat	28
2.4.1 Sumber	29
2.4.2 Medium	33
2.4.3 Mesej	38
2.4.4 Kajian-kajian Lain	41
2.5 Masyarakat Jaringan – <i>Digital Natives</i> dan Digital Migran	43

2.6	Kesimpulan	46
BAB 3: METODOLOGI KAJIAN		
3.1	Pendahuluan	49
3.2	Reka Bentuk Kajian	49
3.2.1	<i>Grounded Theory</i>	51
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	60
3.3.1	Temubual Kumpulan Fokus	60
3.3.2	Data Sekunder	63
3.4	Informan Kajian	64
3.5	Prosedur Analisis Data	67
3.6	Kaedah Pengesahan Data Kualitatif	70
3.7	Kesimpulan	75
BAB 4: DAPATAN HASIL KAJIAN		
4.1	Pendahuluan	78
4.2	Sumber dan Kredibiliti Maklumat	78
4.2.1	Autoriti	78
4.2.2	Medium	81
4.2.3	Penilaian	81
4.3	Medium dan Kredibiliti Maklumat	85
4.3.1	Akaun Rasmi	85
4.3.2	Perbandingan Maklumat Melalui Medium	87
4.3.3	Kebergantungan Terhadap Sumber Melalui Medium	90
4.4	Mesej dan Kredibiliti Maklumat	90
4.4.1	Autonomi Pengguna Terhadap Pemilihan Genre Media	91
4.4.2	Kandungan Mesej Berkepentingan	93
4.4.3	Laporan Mesej Seimbang	94
4.5	Viral dan Kredibiliti Maklumat	96
4.5.1	Viral Meningkatkan Kredibiliti Maklumat	96
4.5.2	Viral Merendahkan Kredibiliti Maklumat	97
4.6	Tingkh laku dan Kredibiliti Maklumat	99

4.6.1	Tingkhilaku <i>Offline</i>	100
4.6.2	Tingkhilaku <i>Online</i>	101
4.6.3	Implikasi Emosi	103
4.7	Model Konsep Kredibiliti Maklumat Baru	104
4.8	Perbandingan Konsep Kredibiliti Maklumat Baru dan Lama	104
4.9	Kesimpulan	106

BAB 5: PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	109
5.2	Konsep Sumber dalam Era Masyarakat Jaringan	109
5.3	Konsep Mesej dalam Era Masyarakat Jaringan	116
5.4	Konsep Viral dalam Era Masyarakat Jaringan	119
5.5	Konsep Tingkhilaku dalam Era Masyarakat Jaringan	123
5.6	Implikasi dan Cadangan	127
5.7	Kesimpulan	129

**RUJUKAN
LAMPIRAN**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

135
156

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1 : Model Konsep Kredibiliti Maklumat	47
Rajah 3.1 : Kaedah-Kaedah Penting dalam Pendekatan <i>Grounded Theory</i>	53
Rajah 3.2 : Proses Analisis Data <i>Open Coding</i>	68
Rajah 3.3 : Proses Analisis Data <i>Axial Coding</i>	68
Rajah 3.4 : Proses Analisis Data <i>Selective Coding</i>	69
Rajah 4.1 : Model Konsep Kredibiliti Maklumat Baru	104



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN A

Halaman

156



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kajian ini ialah tentang pengkonsepkan semula konsep kredibiliti maklumat dalam era masyarakat jaringan. Bab ini akan membincangkan pengenalan terhadap apa itu maklumat, kredibiliti dan masyarakat jaringan. Seterusnya, bab ini juga akan membincangkan penyataan masalah kajian ini berserta dengan objektif kajian dan kepentingan kajian.

Kajian terhadap konsep kredibiliti maklumat perlu dibuat atas desakan perubahan lanskap media dan teknologi. Perubahan lanskap media dan teknologi yang sentiasa berubah mengikut arus kemajuan semasa mencorakkan konsep kredibiliti maklumat itu sendiri. Hal ini dapat dilihat dalam kajian yang telah dijalankan sebelum ini oleh beberapa sarjana seperti McKnight dan Kacmar (2007), Flanagan dan Metzger (2000) dan Choo Ming (1998; 2000) yang mengkaji tentang kredibiliti maklumat.

Perubahan lanskap tersebut menimbulkan tanda tanya tentang bagaimana persepsi masyarakat jaringan terhadap konsep kredibiliti maklumat yang ada pada masa kini. Pada masa yang sama, masyarakat jaringan sekarang mempunyai persamaan konteks dalam istilah masyarakat jaringan yang Manuel Castells perkenalkan (Castells dan Cardoso, 2005; Castells, 2010). Castells mengatakan bahawa masyarakat jaringan terdiri daripada rangkaian pengeluaran, kuasa dan pengalaman yang membina budaya alam maya dalam aliran global yang melampaui masa dan ruang. Masyarakat jaringan wujud akibat daripada ledakan teknologi yang berlaku pada tahun 1970-an selepas perang dunia kedua yang mana telah mengakibatkan perubahan dari segi kehidupan masyarakat secara amnya.

Seterusnya, perkembangan teknologi yang semakin maju mewujudkan masyarakat informasi (Dijk, 2006). Masyarakat yang mengangkat perindustrian ke tahap yang tinggi menyebabkan masyarakat informasi wujud. Hal ini kerana, dalam menjalankan aktiviti perindustrian, wujudnya pertukaran maklumat antara masyarakat. Keadaan ini telah menyebabkan wujudnya masyarakat informasi kerana mereka sedar akan kepentingan maklumat yang boleh dipercayai agar tidak ditipu dalam menjalankan aktiviti perindustrian.

Kajian terdahulu yang telah dijalankan memberikan ruang kepada kajian ini untuk menguji dan mengkonsepkan kembali konsep-konsep yang telah diperkenalkan mengikut ruang masa kajian tersebut dijalankan. Hal ini memberikan kesedaran terhadap perubahan yang berlaku dalam penggunaan maklumat terutamanya dalam lingkungan masyarakat jaringan yang ada pada masa sekarang. Penggunaan dan perolehan maklumat tidak lagi berorientasikan medium tradisional semata-mata, malah maklumat boleh diperolehi melalui internet dengan medium baru seperti facebook, twitter, tumblr, whatsapp, instagram dan sebagainya. Maklumat dalam era masyarakat jaringan boleh diperolehi dengan segera dan semuanya berada di hujung jari pengguna dengan hanya menggunakan pencarian maklumat melalui media baru dengan menggunakan internet (Berita Harian Online, 14 Februari 2015).

Seterusnya, konsep kredibiliti maklumat dan masyarakat jaringan dalam kajian ini diletakkan sebagai panduan kajian kerana kedua-dua perkara tersebut saling berkait rapat. Seperti yang Castells (2010) katakan bahawa, dalam sesebuah masyarakat jaringan perhubungan adalah suatu perkara yang amat penting. Hal ini kerana, jaringan perhubungan dalam sesebuah masyarakat bukan sahaja berfungsi dalam menjalankan aktiviti perindustrian seperti dalam masyarakat informasi namun ianya juga berfungsi dalam rutin harian masyarakat seperti berkomunikasi, mendapatkan maklumat dan memudahkan suatu tugas harian mereka.

Oleh itu, keadaan ini menimbulkan persoalan sama ada maklumat yang diterima oleh pengguna maklumat dalam sesebuah masyarakat jaringan itu berkredibiliti ataupun tidak. Kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi pada

masa kini membolehkan suatu maklumat diperolehi dengan mudah dan ianya meningkatkan risiko maklumat diragui kepada masyarakat yang menggunakan maklumat berkenaan. Keadaan ini menjadikan kajian terhadap kredibiliti maklumat adalah kajian yang relevan dan penting terutamanya apabila melihat keadaan semasa yang berlaku sekarang dimana maklumat yang salah disebarkan dan mengakibatkan salah faham dan memudaratkan (Sinar Harian *Online*, 2016; Berita Harian *Online*, 2016; *MStar Online News*, 2016).

1.2 Maklumat

Maklumat adalah aspek terpenting dalam kehidupan sehari-hari manusia. Hal ini kerana maklumat membantu manusia dalam pelbagai perkara. Pelbagai jenis, sumber dan kategori maklumat yang boleh diperolehi oleh seseorang pengguna dengan hanya menggunakan internet atau media tradisional (Castells, 2010). Maklumat adalah sesuatu yang paling penting dalam kehidupan seseorang, masyarakat mahupun dalam organisasi kerana tanpa maklumat banyak masalah boleh timbul. Maklumat merupakan satu bentuk penerangan yang dibuat berdasarkan sumber yang diperolehi dalam bentuk data hasil daripada pemprosesan, pengumpulan dan analisis data yang kemudiannya dapat memberi manfaat dan menambahkan tahap pengetahuan kepada penerima maklumat tersebut.

Maklumat berfungsi untuk mengubah tahap kognitif seseorang individu dan seterusnya memberi kesan kepada cara seseorang individu itu berfikir, juga membantu dalam proses pembuatan keputusan atau menyelesaikan sesuatu masalah. Maklumat amat diperlukan dalam mengatur sesebuah organisasi bagi melakukan pembaharuan atau lebih tepat lagi sebagai agen penting bagi membantu proses pembuatan keputusan oleh pihak pengurusan. Menurut Ding Choo Ming (1998; 2000), maklumat memainkan peranan yang semakin penting dalam proses kehidupan dan pengurusan. Dari segi sosial, maklumat yang sudah diproses menjadi data yang berguna dan terkini akan menjadikan kita lebih pandai, kreatif, produktif, dan berinovatif seperti yang dituntut oleh dunia kini dengan memanfaatkan sumber yang ada dengan sebaik mungkin dan memberi pendidikan yang berguna kepada masyarakat.

Maklumat sebagai pengetahuan yang perlu digunakan secara berhati-hati kerana mempunyai kesan penggunaan. Ramalan merupakan kunci pemahaman sesuatu maklumat (Adami, 2016). Hal ini berkaitan dengan pengetahuan atau pengalaman yang pernah dialami oleh individu akan disahkan melalui maklumat yang akan diterima. Selain itu juga, maklumat adalah hasil daripada sistem maklumat iaitu data yang mengandungi data primer ataupun data sekunder yang diolah seterusnya menjadi sesuatu maklumat. Maklumat tersebut akan digunakan oleh individu ataupun masyarakat dalam membentuk maksud dan pengetahuan mengikut konteks penggunaan (Clifford dan Adami, 2015).

Selain itu juga, maklumat adalah data yang telah diproses menjadi sesuatu bentuk maklumat yang membawa pemahaman dan pengetahuan kepada penerima maklumat tersebut (Abdul Kadir, 2003). Data yang telah diproses tersebut digunakan oleh penerima sesuai dengan konteks penggunaannya (Jogiyanto, 1990). Hal ini kerana, penggunaan maklumat akan berkesan apabila maklumat tersebut digunakan pada masa, tempat dan konteks yang sesuai. Dimana, penggunaan maklumat adalah bahaya kerana maklumat boleh mendominasi pemikiran manusia (Zulaikha, 2007). Manakala, menurut Yusup (2009) pula, maklumat adalah suatu rakaman mengenai peristiwa atau fenomena yang berlaku. Individu yang menyaksikan dan menulis fenomena yang berlaku adalah sumber informasi berkenaan perkara tersebut. Seterusnya maklumat tersebut akan didokumentasikan menjadi karya atau penulisan yang mana akan menjadi dokumen dalam perpustakaan atau menjadi sebahagian daripada maklumat.

Maklumat kini merupakan satu komoditi yang amat penting bagi setiap individu yang mahu menambahkan ilmu pengetahuan dan keyakinan diri bagi bergaul dengan masyarakat untuk berjaya dalam bidang yang diceburi ditambah pula dengan persaingan sengit dunia sekarang (Israel dan Perry, 1990). Oleh yang demikian, jika masyarakat menggunakan teknologi yang disediakan secara bijaksana iaitu menggunakan internet sebagai penyalur maklumat utama dengan sebaik mungkin, ianya sememangnya amat berguna dan bermanfaat untuk memperkaya dan menjelajah perkembangan minda ke arah masyarakat yang lebih maju, berdaya saing dan progresif.

1.3 Kredibiliti

Aspek kredibiliti telah lama berada dalam arena penyelidikan yang dijalankan oleh sarjana-sarjana yang mengkaji tentang aspek kebolehpercayaan sesuatu maklumat. Antara kajian terawal mengenai kredibiliti adalah kajian oleh Hovland, Janis dan Kelly (1953), yang mana mereka mengatakan bahawa aspek kredibiliti asalnya daripada ciri-ciri sumber yang mengeluarkan maklumat. Disini, mereka mengatakan bahawa ciri-ciri pemujukan dan motivasi sumber mempengaruhi kredibiliti sesuatu maklumat yang mereka keluarkan.

Namun demikian, Gunther (1992) berkata bahawa kredibiliti adalah pembolehubah yang ada kaitannya dengan persepsi khalayak terhadap sumber. Hal ini memperlihatkan bahawa, kredibiliti itu bukan sahaja dilihat dari segi ciri-ciri sumber malah kredibiliti juga dibina berdasarkan kepada aspek persepsi khalayak terhadap sumber. Persepsi terhadap sumber dipersetujui oleh Bracken (2006) yang mana, menurut sarjana ini, kredibiliti sumber dilihat dari segi jumlah kepercayaan yang berkaitan dengan sumber maklumat termasuk individu dan medium yang digunakan dalam menyalurkan maklumat.

Manakala, Mcquail (2008) pula mengatakan bahawa, pencarian maklumat yang boleh dipercayai menyumbang kepada kesan pembelajaran yang positif terhadap sesuatu berita atau maklumat. Hal ini kerana, kepercayaan terhadap sesuatu maklumat atau berita yang digunakan adalah penting untuk mengesahkan pengetahuan yang diperolehi daripada maklumat yang diterima. Walau bagaimanapun, sekiranya maklumat yang diterima tidak mempunyai aspek kebolehpercayaan maka, pengguna maklumat tersebut terdedah dengan maklumat yang tidak berkredibiliti. Pada masa kini, banyak pengguna media menggunakan sumber media yang mereka tidak percayai hanya kerana menginginkan maklumat terbaru mengenai sesuatu yang mereka minati (Mohd. Khairie Ahmad, et al. 2005).

Selain itu, maklumat yang dikeluarkan oleh organisasi penyedia maklumat dan sumber yang sah adalah dianggap baik dan berkredibiliti oleh pengguna maklumat (Flanagin dan Metzger, 2008). Hal ini kerana, organisasi atau sumber yang sah telah diperakui kepakaran dan kebolehpercayaannya oleh masyarakat

sekeliling. Di samping itu, kredibiliti juga dibina daripada penglibatan sosial dan kumpulan. Disini, penglibatan sosial dan kumpulan dapat membantu dari aspek pengesahan sebarang maklumat yang diterima dan ianya membina kebolehpercayaan yang tinggi. Hal ini kerana, apabila seseorang individu bersama-sama dengan rakan sebaya dan ahli keluarganya, individu tersebut lebih percaya terhadap maklumat yang diterima daripada mereka (Litvin, et al., 2008; Burgess, et al., 2009).

Masyarakat jaringan dalam era masyarakat jaringan pada masa kini yang terdedah dengan pelbagai kumpulan masyarakat mengakibatkan pemilihan maklumat yang berkredibiliti diragui. Hal ini kerana, apabila seluruh kumpulan sosial tersebut memperolehi maklumat yang tidak berkredibiliti atau maklumat palsu, maka dengan definisi bahawa kumpulan sosial boleh mengesahkan maklumat tidak lagi relevan. Kajian yang dijalankan oleh Kang (2009) mendapati bahawa, generasi muda adalah golongan yang memberikan pandangan positif terhadap maklumat yang diterima di internet. Dengan fenomena berita palsu dan wartawan warga yang semakin menular pada masa kini, ianya menimbulkan kebimbangan terhadap maklumat apa yang diterima oleh masyarakat jaringan pada masa kini dan bagaimana mereka mengesahkan maklumat yang diterima.

Walaupun begitu, kajian yang dijalankan oleh Hilligoss dan Rieh (2007) terhadap pelajar sarjana muda di Amerika berkenaan dengan kredibiliti maklumat dalam internet mendapati bahawa, pelajar sarjana ini menganggap maklumat dalam talian atau internet adalah kurang berkredibiliti berbanding maklumat daripada buku-buku dan jurnal sarjana. Selain itu, Metzger et al. (2003) juga mengatakan bahawa pelajar kolej menganggap maklumat dalam talian mempunyai kredibiliti yang rendah berbanding maklumat yang dikeluarkan oleh media tradisional. Hal ini menunjukkan bahawa, terdapat perbezaan penerimaan kredibiliti daripada masyarakat jaringan secara umum dan generasi muda. Dimana, penggunaan internet sebagai sumber maklumat juga jelas berbeza melalui setiap lapisan masyarakat.

Menurut Gaziano dan McGrath, 1986 (dalam Mohd. Khairie Ahmad et.al. 2005), kredibiliti adalah satu penjelasan konsep yang lebih lengkap mengenai persepsi kebolehpercayaan maklumat. Mereka telah mencirikan kredibiliti berita menerusi 12 dimensi iaitu boleh dipercayai, sesuatu berita itu perlu bersifat semasa, tidak bias, liputannya adalah adil, laporan dilakukan secara menyeluruh, kupasan dilakukan secara yang sebenarnya, jujur, maklumat yang terkini, berasaskan kebenaran, seimbang, tepat dan liputan tentang sesuatu berita itu adalah sesuai. Kredibiliti juga meliputi aspek kebolehpercayaan terhadap mesej, sumber atau medium yang digunakan dalam menyampaikan suatu maklumat. Aspek kredibiliti amat penting, kerana ianya dapat menentukan kebenaran sesuatu maklumat yang disampaikan. Hal ini kerana, sekiranya sesebuah maklumat yang disampaikan tidak benar akan membawa masalah kepada pengguna maklumat tersebut.

Kredibiliti juga merupakan kebolehpercayaan dan kepakaran (Flanagin dan Metzger, 2000; Metzger, 2005). Aspek kebolehpercayaan merangkumi kepercayaan terhadap sesuatu atau sesebuah sumber atau mesej yang disampaikan oleh individu, masyarakat atau media terutamanya. Nilai kebolehpercayaan tersebut wujud dalam bentuk kepakaran sumber yang dirujuk atau mesej yang disampaikan adalah mesej yang dikeluarkan oleh orang yang mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut. Kredibiliti ini biasanya akan ditentukan oleh pengguna maklumat. Hal ini kerana, pengguna yang akan membaca atau mendengar mesej yang disampaikan. Pengguna yang tahu menilai akan mengetahui sama ada mesej yang disampaikan berkredibiliti ataupun tidak.

Oleh yang demikian, kredibiliti perlu dilihat secara serius dalam urusan kehidupan seharian manusia. Hal ini kerana, kredibiliti dapat mengukur keberkesanan sesuatu maklumat yang diterima dimana, maklumat yang berkredibiliti akan diproses, disimpan atau digunakan semula bukan sahaja kepada seorang individu malah digunakan oleh ramai pengguna. Maklumat yang berkredibiliti akan menjadikan pengguna dapat menggunakan maklumat berkenaan secara optimum dan dapat menyelesaikan apapun permasalahan atau perkara yang sedang dilalui. Contohnya, maklumat mengenai MH17, yang mana seseorang

pengguna ingin mengetahui tentang hal berkenaan. Oleh itu, individu tersebut akan mencari maklumat mengenainya. Peranan maklumat yang berkredibiliti amat penting dalam hal ini kerana sekiranya individu tersebut mendapat maklumat yang tidak sahih atau tidak berkredibiliti, ianya akan menyebabkan pengguna tersebut mendapat maklumat yang salah dan mengelirukan.

Secara keseluruhannya, kredibiliti maklumat adalah maklumat yang boleh dipercayai, diyakini dan berguna. Definisi kredibiliti maklumat menurut kajian terdahulu memperlihatkan bahawa ianya berbeza mengikut konteks kajian yang dijalankan. Walau bagaimanapun, aspek kredibiliti sememangnya amat penting bagi menjamin kualiti maklumat yang diterima. Dengan adanya kredibiliti sesuatu maklumat yang diterima maka, maklumat tersebut membawa pengetahuan dan pemahaman kepada penerima maklumat malah kepada seluruh masyarakat secara amnya juga. Oleh itu, kredibiliti maklumat sememangnya relevan dan perlu untuk dikaji semula terutamanya dalam era masyarakat jaringan pada masa kini yang terdedah dengan pelbagai maklumat yang mengelirukan ditambah dengan landskap media dan teknologi yang semakin berkembang.

1.4 Masyarakat Jaringan

Kemajuan teknologi yang sedang berkembang pada masa kini memberi kesan yang mendalam terhadap keadaan sosial dan budaya. Seperti yang dinyatakan oleh Dijk (2006), bahawa masyarakat jaringan amat berkait rapat dengan pembentukan sosial melalui infrastuktur sosial dan rangkaian media. Keadaan ini membolehkan setiap lapisan masyarakat dapat dihubungkan oleh satu sistem penggabungan yang mana semua lapisan masyarakat menikmati maklumat yang sama. Biasanya medium yang menggabungkan masyarakat adalah melalui kemudahan teknologi yang sama digunakan seperti internet (Lankes, 2007).

Kemudahan teknologi yang digunakan menyebabkan Komunikasi antara sempadan berlaku. Komunikasi antara sempadan mengembangkan lagi media, migrasi dan budaya, pertukaran intelektual dan budaya, lebih ramai terdedah kepada idea-idea baru, nilai, norma, bahasa dan agama (Dijk, 2006). Keadaan ini menjadikan kefahaman terhadap perbezaan budaya dapat dipupuk disamping

dapat meningkatkan toleransi dan keharmonian dalam kalangan masyarakat dunia. Komunikasi merentasi sempadan juga membina jalinan hubungan antara individu, masyarakat dan negara (Purdy, 2011).

Namun demikian, komunikasi merentasi budaya mengakibatkan pendedahan maklumat tidak bertapis atau maklumat yang tidak berkredibiliti apabila ianya melibatkan pertukaran maklumat. Hal ini memberi ancaman terhadap masyarakat yang menggunakan maklumat tersebut. Ancaman tersebut adalah berbentuk perselisihan antara kaum, agama, diskriminasi, tekanan, pilih kasih dan prejudis adalah antara ancaman yang boleh mengancam pengguna maklumat dalam masyarakat jaringan pada masa sekarang (Lee, et al., 2015).

Selain itu, dalam era masyarakat jaringan pada masa kini juga mempunyai struktur sosial dan kekuasaan politik di peringkat global (Castells dan Cardoso, 2005; Dijk, 2006). Hal ini kerana, dalam dunia tanpa sempadan pada masa kini, hubungan dua hala atau lebih boleh dibentuk hanya dengan menggunakan teknologi berkaitan dengan internet. Perkongsian maklumat mengenai aspek sosial dan politik menjadi mudah dengan jaringan internet yang ada pada masa kini (Bates, et al., 2006). Oleh itu, masyarakat jaringan pada masa kini bukan sahaja dapat mempelajari dengan mudah tentang aspek sosial dan politik di negara lain malah mereka dapat menjalinkan hubungan secara tidak langsung kepada individu ataupun organisasi dari negara luar.

Di samping itu, masyarakat jaringan pada masa kini berminat dengan maklumat yang berorientasikan minat, motivasi dan sensasi (Lee, et al.; Purdy, 2011). Hal ini kerana, masyarakat jaringan pada masa kini mempunyai akses internet 24 jam sehari. Keadaan ini mengakibatkan masyarakat pada masa sekarang terdedah dengan pelbagai maklumat yang tidak diketahui kebolehpercayaannya. Akhirnya membawa kepada penyalahgunaan maklumat dan penerimaan maklumat yang tidak berkredibiliti (Nurfarhana, 2015). Oleh itu, kebebasan masyarakat jaringan pada masa kini mengakses pelbagai maklumat seharusnya dijaga dan dipantau agar tidak mengakibatkan sesuatu perkara buruk berlaku (Castells, 2010; Thomson, 2015).

Perkembangan teknologi komunikasi dan maklumat pada era masyarakat jaringan kini menyebabkan masyarakat jaringan sentiasa mengakses maklumat-maklumat terkini dengan menggunakan peralatan yang boleh mengakses internet (Castells dan Cardoso, 2005; Castillo, 2011; Castareda, et al., 2009). Peralatan yang mengakses internet termasuklah telefon mudah alih, tablet dan komputer riba khususnya. Dengan peralatan ini, masyarakat dapat mengakses sebanyak manapun atau apa sekalipun maklumat yang mereka kehendaki termasuklah maklumat yang menepati citarasa mereka. Keadaan ini yang akan menyebabkan timbulnya ruang-ruang keraguan kredibiliti maklumat terhadap maklumat yang diperolehi daripada jaringan internet yang diakses (Wathen dan Burkell, 2002).

Walau bagaimanapun, terdapat kelompok-kelompok dalam masyarakat berjaringan ini yang mempunyai perbezaan dari segi tahap penggunaan atau tahap mengakses suatu maklumat (Prensky, 2001a; 2001b). Hal ini kerana, di kawasan luar bandar capaian internet belum meluas berbanding kawasan bandar dan juga aspek transisi teknologi juga berbeza terhadap beberapa kategori generasi. Menurut Prensky (2001a; 2001b), terdapat dua golongan dalam masyarakat jaringan yang mempunyai penglibatan tinggi dan rendah dalam aspek penggunaan atau pengaksesan internet dalam kehidupan seharian mereka. Golongan tersebut adalah golongan *digital natives* dan digital migran.

Golongan *digital natives* merupakan golongan yang lahir selepas tahun 1990-an. Golongan ini merupakan generasi yang lahir dengan keadaan sekeliling mereka yang penuh dengan teknologi yang digunakan pada era masyarakat jaringan pada masa kini. Menurut Prensky (2001a: 1);

"They have spent their entire lives surrounded by and using computers, videogames, digital music players, video cams, cell phones, and all the other toys and tools of the digital age."

Golongan *digital natives* adalah generasi yang lahir dalam era masyarakat jaringan yang menggunakan teknologi digital dalam kehidupan seharian mereka seperti menggunakan komputer, telefon mudah alih, permainan berbentuk digital

dan permainan lain yang semuanya dalam bentuk digital. Bagi golongan ini, penggunaan teknologi yang ada pada masa sekarang adalah mudah dan tidak memerlukan latihan untuk menggunakan alatan teknologi tersebut (Gunther, 2007).

Manakala, golongan digital migran pula adalah golongan yang lahir sebelum tahun 1990-an. Golongan ini merupakan generasi yang lahir sebelum teknologi berkembang dalam lingkungan kelahiran mereka. Teknologi sudah digunakan namun generasi ini masih belum mengenalpasti akan kelebihan penggunaan teknologi tersebut. Menurut Vodanovich et al. (2010: 715),

"Digital immigrants are those who learnt to use computers at some stage during their adult life. Digital immigrants are assumed to resist new technology or at least have some difficulty accepting it."

Digital migran adalah golongan yang beradaptasi dengan teknologi yang ada. Hal ini kerana, golongan ini lahir dengan persekitaran dimana teknologi belum begitu ditekankan dalam kehidupan seharian mereka (Prensky, 2001a). Sebagai contohnya, seorang pekerja yang bekerja sebagai kerani menggunakan mesin taip dalam menulis surat-surat rasmi. Setelah komputer diadaptasikan dalam syarikat pekerja tersebut maka, kerani tersebut terpaksa membiasakan diri dengan teknologi komputer tersebut.

Oleh itu, pengaksesan golongan tersebut terhadap maklumat mempunyai limitasinya yang tersendiri. Hal ini kerana, terdapat perbezaan dari segi transisi teknologi yang berlaku dalam kehidupan mereka. Perbezaan ini semestinya mewujudkan perbezaan dari segi pengalaman, pengetahuan dan perspektif terhadap kredibiliti maklumat yang dipaparkan atau dikeluarkan oleh media konvensional, media baru dan media hibrid. Hal ini adalah disebabkan oleh penggunaan dan penerimaan golongan *digital natives* dan golongan digital migran adalah berbeza. Secara rasionalnya, kajian terhadap kredibiliti maklumat dalam era masyarakat jaringan pada masa kini adalah relevan dengan menggunakan golongan *digital natives* dan golongan digital migran sebagai informan dalam kajian